



KENYATAAN SEBUT HARGA

- 1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk / Butiran Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Harga Dokumen	Tarikh Tutup
Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Menggunakan Kaedah "Pressure Grouting" Bagi Unit Rumah Akibat Mendapan Tanah Di Fasa 1A, Taman Seri Putera, SPS, Pulau Pinang. Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd. Dokumen Sebutharga: JKP/Q/PROJEK/2023/21	a. Berdaftar dengan SSM b. Berdaftar dengan CIDB Gred G1 Pengkhususan CE21 - Pembinaan Kejuruteraan Awam atau Pengkhususan CE24 - Struktur Menara c. Mempunyai Sijil SPKK	RM20.00 Boleh dibeli pada tarikh seperti berikut: 08hb. November, 2023 sehingga 22hb. November, 2023	23hb. November, 2023 Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

- 2) Dokumen Sebutharga boleh didapati di:-
Bahagian Kontrak JKP Sdn. Bhd.
Tingkat 14, Menara JKP,
No. 128, Jalan Macalister,
10400 Pulau Pinang.
- pada waktu berikut:-
Isnin - Khamis : 9.00 pg - 1.00 tgh
: 2.00 ptg – 5.00 ptg
Jumaat : 9.00 pg - 12.00 tgh
: 2.45 ptg – 5.00 ptg
- 3) Penyebut harga mesti membawa **salinan Sijil ASAL (ORIGINAL)** atau **salinan yang diakui SAH (CTC) semua dokumen seperti yang disyaratkan di dalam jadual yang lengkap dan masih dalam tempoh sahlaku** dan sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. serta Surat Wakil Kuasa (jika perlu) bagi mendapatkan Dokumen Sebutharga.
- 4) Bayaran (**RM20.00**) hendaklah dibuat dalam bentuk **Money Order / Postal Order** atau **Bank Deraf Berpalang** atas nama "**JKP Sdn. Bhd.**". Pembayaran secara **wang tunai tidak akan diterima**. Bayaran Dokumen Sebutharga tidak akan dikembalikan kepada penyebut harga.
- 5) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri (sealed)** seperti di **Senarai Semak** dan **bertanda Nombor Sampul, Nombor Sebut Harga JKP/Q/PROJEK/2023/21** serta **Tajuk Sebut Harga**.
- 6) Dokumen Sebutharga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Tingkat 14, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 7) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.